

31 MAR 2002

Ketari-Reaksi (Abdullah)

KEMENANGAN BN ATAS SOKONGAN SEMUA KAUM

BENTONG, 31 Mac (Bernama) -- Kemenangan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Ketari membuktikan bertambahnya keyakinan rakyat terhadap kerajaan.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata majoriti yang diterima calon BN adalah sepuluh kali ganda berbanding kemenangan pada pilihan raya umum lepas selain jumlah sokongan yang juga meningkat daripada semua saluran.

Walaupun sokongan daripada Ketari (Selatan) dan Perting bertambah, tetapi tidak cukup untuk mengatasi calon DAP, namun jika dibandingkan pada pilihan raya lepas, ternyata sokongan yang diperolehi BN jauh lebih baik daripada dahulu, katanya kepada pemberita selepas pengumuman keputusan pilihan raya kecil DUN Ketari di Dewan Majlis Daerah Bentong di sini malam ini.

Abdullah berkata kemenangan itu juga adalah kemenangan rakyat yang mahu pembangunan dan juga mengiktiraf kepimpinan yang mengutamakan keselamatan dan juga kestabilan.

Pada pilihan raya kecil itu, calon BN Yum Ah Ha menewaskan calon DAP Choong Siew Onn dengan majoriti 2,204. Pilihan raya itu diadakan berikutan kematian wakil rakyatnya Datuk Loke Koon Kam akibat barah rahang pada 3 Mac lepas.

Abdullah yang juga Timbalan Presiden Umno turut mengucapkan tahniah kepada wakil rakyat baru Ketari.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada semua pekerja parti daripada parti komponen BN yang terdiri daripada Umno, MCA, MIC Gerakan, Parti Progresif Rakyat (PPP) selain sokongan Parti Badan Progresif India Malaysia (IPF) dan KIMMA yang turut bekerjasama dalam menentukan kejayaan itu.

Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob memberi jaminan segala masalah dan janji yang dibuat semasa kempen pilihan raya itu, akan ditunaikan.

"Kemenangan BN dengan majoriti besar ini menunjukkan bahwa rakyat menerima pemerintahan kerajaan BN di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya.

Adnan yang juga pengarah jentera pilihan raya BN DUN Ketari berkata sokongan rakyat itu akan menjadi satu dorongan dan perangsang kepada kerajaan BN Pahang untuk melaksanakan lebih banyak lagi pembangunan di negeri ini.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada jentera pilihan raya BN yang terdiri daripada Umno, MIC, MCA, Gerakan serta sokongan daripada IPF serta badan bukan kerajaan lain.

Sementara itu, Yum berikrar akan menjalankan tanggungjawab sebaik mungkin.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir yang telah memberi kepercayaan kepadanya untuk menjadi calon BN serta semua pihak yang telah memberi sokongan dan kerjasama sehingga BN berjaya memperolehi kejayaan besar itu.

"Segala masalah rakyat di kawasan ini akan diatasi seberapa yang boleh," katanya.

Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik pula berkata beliau gembira kerana majoriti kemenangan meningkat 10 kali ganda kali ini selain bertambahnya sokongan kepada BN di setiap pusat pengundian walaupun tewas

di Perting dan 50-50 di Ketari Tengah.

"Keputusan paling baik ialah di Kampung Janda Baik dan Genting Highlands dengan undi sebanyak 78 peratus kepada BN," katanya.

Beliau berkata di Benus, 73 peratus pengundi mengundi BN, Ketari (70 peratus) dan Ketari Selatan (60 peratus).

"Untuk undi di Perting, sokongan terhadap BN menunjukkan peningkatan sebanyak 34 peratus berbanding 28 peratus sokongan pada pilihan raya umum 1999.

Sementara itu, Pengerusi Pemuda BN Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata kemenangan BN dengan majoriti yang lebih besar membuktikan rakyat khususnya penduduk di Ketari menerima konsep BN yang sentiasa mengutamakan perpaduan, keharmonian dan pembangunan.

"Pendekatan kempen Pemuda BN yang lebih menjurus kepada usaha mendekati pengundi ternyata berhasil dan memberikan kesan mendalam kepada penduduk," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berharap Yum tidak akan mengecewakan penduduk kawasan itu dan akan terus turun padang untuk memberi khidmatnya kepada seluruh pengundi.

"Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada seluruh pengundi kawasan itu di atas sokongan dan kepercayaan yang telah diberikan," kata Hishammuddin, yang juga Menteri Belia dan Sukan.

Timbalan Presiden Gerakan Datuk Kerk Choo Teng pula berkata kemenangan itu adalah hasil kerjasama jitu komponen-komponen BN yang telah menunjukkan semangat yang tinggi semasa berkempen dengan banyak isu-isu tempatan berjaya diselesaikan atau diambil perhatian.

Sementara itu, Timbalan Presiden MCA Datuk Lim Ah Lek berkata kejayaan kali ini menunjukkan bahawa masyarakat Ketari terus memberi sokongan kepada Dr Mahathir serta konsep BN yang mengutamakan perpaduan antara masyarakat berbilang kaum.

Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu berkata keputusan itu menunjukkan bahawa rakyat terus yakin dengan BN dan beliau yakin ia adalah kerana kepimpinan Dr Mahathir yang kukuh.

Sementara itu, Presiden PPP Datuk M. Kayveas berkata keputusan ini menunjukkan parti-parti pembangkang tidak mempunyai wawasan.

Calon DAP, Choong Siew Onn yang turut ditemui berkata beliau kecewa kerana telah tiga kali ditewaskan dalam pilihan raya.

Beliau bagaimanapun berterima kasih kepada lebih 4,000 pengundi yang mengundinya pada pilihan raya kali ini.

Setiausaha agung DAP Kerk Kim Hock berkata sejak awal lagi, DAP sudah menjangkakan kesukaran.

Kerk berkata DAP menjangka akan tewas dengan majoriti 1,000 undi dan dalam senario yang paling buruk, 3,000 undi.

"Majoriti 2,204 mengesahkan kebimbangan paling buruk kami sejak dari hari pertama berkempen dan kami kecewa dengan kekalahan ini," katanya.

Beliau bagaimanapun berkata DAP gembira kerana parti itu masih mengekalkan kubu kuat mereka di Perting.

Kerk juga mengakui populariti bekas anggota parlimen Bentong selama dua penggal, Datuk Lim Ah Lek telah menyumbang kepada kemenangan BN di Ketari.

-- BERNAMA

AT HM RD SHS LAT